

# Hubungan Brunei-Malaysia perlu dipereratkan -Dr. M

11.11 - 3 AUG 1993

Daripada  
HAMZAH SIDIK

Ⓢ *Wip - On the scene*  
BANDAR SERI BEGAWAN 2 Ogos - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, hubungan erat antara Malaysia dan Brunei Darussalam adalah penting, bagi meningkatkan terus kegemilangan bangsa dan budaya Melayu.

Katanya, budaya Melayu yang kaya dan indah perlu digembur dan dipupuk supaya terus subur dan mendapat tempat yang dihormati dalam budaya antarabangsa.

"Kerajaan Malaysia berasa amat puas hati bahawa pada hari ini hubungan di antara kedua-dua negara amat rapat dan akrab," kata Perdana Menteri dalam ucapan balasnya di majlis jamuan negara sempena lawatan rasminya ke Brunei di Istana Nurul Iman di sini malam ini.

Mahathir berkata, Malaysia dan Brunei telah bersetuju menubuhkan suruhanjaya bersama bagi meningkatkan bidang kerjasama dua hala dan menyelesaikan segala masalah yang berbangkit secara aman dengan semangat persaudaraan.

Menurutnya, persefa-

haman dan kerjasama ini bukan sahaja penting dalam konteks dua hala, tetapi juga sebagai sumbangan positif terhadap keamanan dan kestabilan seluruh Asia Tenggara.

Katanya, Malaysia dan Brunei mempunyai pandangan dan pendirian yang sama mengenai isu-isu penting yang melibatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau dan antarabangsa.

Dalam hal ini, Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Sultan Hassanah Bolikiah atas sokongan Brunei kepada beberapa inisiatif yang diambil oleh Malaysia, termasuk Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang sekarang mendapat persetujuan negara-negara di rantau berkenaan.

## Kerjasama

Beliau juga menegaskan bahawa negara-negara ASEAN perlu mengadakan kerjasama yang menyeluruh antara mereka supaya badan itu benar-benar teguh dan bersatu bagi menghadapi tekanan dan cabaran daripada mana-mana pihak.

Katanya, ASEAN haruslah menjadi penggerak utama dan menerajui apa jua usaha berkaitan dengan ekonomi, keamanan

dan kestabilan Asia Tenggara.

Menurutnya, kemampuan ASEAN memainkan peranan ini jelas terbukti daripada kejayaan dalam usaha mencari penyelesaian masalah Kemboja, persetujuan menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dalam tempoh 15 tahun dan persetujuan menubuhkan EAEC.

Perdana Menteri juga berkata, pada masa ini Malaysia sedang memberi perhatian serius kepada keadaan di Bosnia-Herzegovina, di mana umat Islam terutamanya sedang menghadapi kekejaman dan keganasan Serb.

"Laungan meminta bantuan untuk mempertahankan diri tidak dihiraukan oleh negara Eropah. "Malaysia tidak sanggup melihat keadaan ini berlarutan dan sedang berusaha dengan negara-negara lain untuk membantu rakyat Islam Bosnia mempertahankan nyawa dan hak mereka," tambahnya.

Dalam hal ini, kata Mahathir, Malaysia mengalu sokongan dan bantuan Brunei bagi menyelamatkan Bosnia-Herzegovina.

Mahathir:

Border  
panel

will <sup>3 AUG 1993</sup>

boost ties <sup>overseas trips</sup>

BANDAR SERI BEGAWAN: The setting up of a Brunei-Malaysia joint border committee will further enhance bilateral ties and help solve problems faced by the two countries.

Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said the setting up of the committee was also important because the understanding and co-operation between the two countries were vital to ensure peace in South-East Asia.

"It is important to maintain these close relations to boost the glory of the Malay race and culture which is rich and beautiful so that it will be accorded respect internationally," he said at an official dinner hosted by the Sultan of Brunei here last night.

He said Malaysia and Brunei were able to co-operate in Asean and in other international forums, such as the Organisation of Islamic Conference and the United Nations, because they shared the same stand and views on important issues pertaining to regional and international stability and peace.

Dr Mahathir also said Malaysia welcomed any assistance from Brunei in helping Bosnians defend themselves and their rights as the country was willing to play an active role in international forums.

"Malaysia is giving serious attention to the Bosnian situation, where their people faced Serbian atrocities while the European countries did not

## PM: We won't stay idle over Bosnia

● FROM PAGE ONE

heed their call for help.

"Malaysia is not willing to sit back and let the situation deteriorate and we are working with other countries to help the Bosnians," he said, adding that Malaysia was able to do so because the country, under the Barisan Nasional government, had succeeded in bringing progress to its own people.

In his speech, the Brunei Sultan called on developed countries to respect the rights of developing countries to form a forum to protect their economic interests.

Referring to the the East Asia Economic Caucus, he said developed

countries which are already members of trade blocs should not stand in the way of other countries to sit down and discuss economic issues.

He also said Malaysia's Vision 2020 could become an inspiration to other developing countries in their effort to achieve developed status.

He expressed his government's willingness to co-operate with Malaysia in all matters concerning bilateral, regional and international issues.

"Malaysia has been helping us in several sectors including education, religion, military and communications. I hope that this co-operation will continue," he added.

● TO PAGE 2